

Hanya dengan maklumat-maklumat yang tepat, maka dapat rakyat menilai sesuatu kejadian itu dengan waras dan objektif. Dengan jalan ini, mereka tidaklah senang di pengaruhi, oleh pihak-pihak yang cuba mempengaruhi fikiran rakyat, kepada satu-satu anggapan yang tertentu. Di dalam sebuah negara, memang terdapat gulungan-gulungan yang cuba meracuni fikiran rakyat. Terdapat juga gulungan yang mendakwa serta melahirkan, bahawa rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan, menguntungkan kaum tertentu sahaja. Anggapan seperti ini, hendaklah diperbetulkan. Adalah menjadi tanggung-jawab RTM, memberi kesedaran mengenai hakika yang sebenarnya,